

Nik Aziz ucap terima kasih kepada Pak Lah

BH - 27/7/2004: 2 perdan

KOTA BHARU: Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, secara peribadi semalam menyampaikan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana membenarkan anak keempatnya Nik Adli, yang masih ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), melawatnya semasa beliau kritikal selepas serangan jantung, Khamis lalu.

Katanya, kesanggupan Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri memberi lanjutan tempoh untuk membolehkan Nik Adli terus bersamanya juga sesuatu yang mengejutkan.

"Terima kasih banyak-banyak. Saya sendiri tak tahu dia (Nik Adli) boleh balik. Tengok-tengok dia sudah ada di sini. Bukan sekali saya jumpa dia tetapi tiga kali (sehingga Sabtu). Seronok saya.

"Terima kasih juga kepada Perdana Menteri yang turut mendoakan saya. Mudah-mudahan keterbukaan beliau akan berterusan selama hayat beliau memegang negeri (memerintah negara)," katanya pada sidang media pertamanya

sejak dimasukkan ke hospital Khamis lalu, setelah mengalami serangan jantung.

Nik Aziz masih menerima rawatan di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian dekat sini dan dijangka menerima rawatan lanjut di Institut Jantung Negara (IJN) esok.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Sultan dan Raja Perempuan Kelantan yang turut me-



NIK AZIZ kelihatan sihat sambil membaca akhbar Berita Harian di HUSM Kubang Kerian, semalam. - Gambar oleh Syamsi Suhaimi

lawatnya di HUSM.

"Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor yang turut melawat saya dan isteri saya (Datin Nik Sabariah Nik Ishak) yang juga dimasukkan ke HUSM kerana mengalami tekanan darah tinggi.

"Syukur dan terima kasih kepada seluruh rakyat Kelantan dan amnya di Malaysia (mendoakan kesihatannya), doktor-doktor pakar daripada IJN, Hospital Pakar Perdana dan HUSM yang menjalankan tanggungjawab bersungguh-sungguh tolong (merawat) saya," katanya.

"Betullah ziarah orang sakit dari segi agama

sunat. Pahala pun dapat dan orang sakit pun terasa macam ubat (apabila diziarahi). Mudah-mudahan hubungan anak-anak dan ibu bapa (saling menziarahi) akan berterusan, insya-Allah," katanya.

Nik Abdul Aziz yang juga Mursyidul Am Pas berkata, ketika mula diserang sakit jantung, beliau hanya terasa sesak nafas.

"Mengikut makluman (pakar jantung) kepada saya, saya akan dibawa ke KL (IJN). Saya serah kepada pihak doktor. Kalau tanya saya, memang nak duduk di sini (HUSM). Saya sebenarnya tak terasa sakit cuma terasa letih kerana lama sangat tidur... tiga hari," katanya.